

24 JUL 1997

Asean-Abdullah

NEGARA ASEAN TIDAK CARI KEUNTUNGAN HINGGA SUSAHKAN RAKAN ANGGOTA

KUALA LUMPUR, 24 Julai (Bernama) -- Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata negara-negara Asean tidak akan mencari keuntungan jangka pendek sehingga menyusahkan rakan anggota dalam proses globalisasi.

"Tidak salah bagi negara-negara Asean menetapkan bentuk ekonomi masing-masing dengan cara yang boleh membawa kebaikan.

"Tidak dinafikan bahawa globalisasi mempunyai faktor tarikannya yang mungkin mempengaruhi kita tetapi saya benar-benar yakin tidak ada di antara kita yang akan mengorbankan apa yang kita telah bina dalam Asean semata-mata untuk mendapat kelebihan," kata beliau dalam ucapan permulaan pada Mesyuarat Peringkat Menteri Asean ke 30 hari ini.

Mesyuarat dua hari itu dirasmikan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pagi tadi.

Abdullah, yang juga pengerusi semasa Jawatankuasa Tetap Asean, berkata kekuatan dan tenaga pertumbuhan itu terletak kepada keseluruhan ekonomi negara-negara anggotanya dan mereka bersaing secara sihat untuk mendapatkan pasaran baru.

Beliau menyebut penubuhan segi tiga pertumbuhan sebagai bukti kepada semangat kerjasama itu.

Abdullah berkata negara-negara Asean perlu berkongsi kemakmuran dan membantu anggota yang kurang maju.

Asean yang berusia 30 tahun bulan depan dianggotai oleh Malaysia, Thailand, Indonesia, Brunei, Filipina, Vietnam, Singapura, Myanmar dan Laos.

Abdullah juga berkata prinsip Asean mengenai muafakat dan tidak campur tangan telah diuji sejak beberapa bulan lepas ekoran keputusannya untuk menerima masuk Kemboja, Laos dan Myanmar dengan tekanan daripada Barat.

"Keputusan menerima ketiga-tiganya bukan sesuatu yang mudah, dan begitu juga tindakan berikutnya untuk menanggukkan kemasukan Kemboja, tidak harus dipandang ringan," katanya.

Asean kini memikul tanggungjawab berat untuk mencari penyelesaian terhadap isu Kemboja kerana prinsip tidak campur tangannya itu, kata beliau.

Semalam, Kemboja meminta Asean memainkan peranan menyelesaikan isu di negara itu ekoran penyingkiran Putera Norodom Ranariddh sebagai Perdana Menteri Pertama oleh Perdana Menteri Kedua Hun Sen. Sebelum ini, Hun Sen menolak sebarang usaha sedemikian oleh pihak luar.

Mengenai Forum Serantau Asean (ARF), Abdullah berkata ia mampu menjadi wadah terbaik untuk menangani isu keselamatan di Asia Pasifik.

"Saya berpendapat ARF tidak dapat memainkan peranan lebih penting berbanding sekarang kerana, di kalangan beberapa negara anggota, pakatan ketenteraan terus menjadi keutamaan dalam soal keselamatan," katanya.

Abdullah berkata pakatan ketenteraan, pada kebiasaannya, eksklusif sedangkan masa depan keselamatan Asia Pasifik lebih terjamin dengan dasar perhubungan dan bukannya pemisahan.

Beliau juga menyeru semua kuasa nuklear menerima Perjanjian Zon Bebas Senjata Nuklear Asia Tenggara (SEANWFZ) bagi menjadikan rantau ini bebas daripada konflik atau bencana nuklear.

Abdullah mengingatkan Asean supaya tidak leka kerana pertumbuhan itu menghadapi tugas yang berat dalam alaf baru daripada segi era teknologi, globalisasi dan kepentingan keserantauan.

"Untuk menjamin kemakmuran ekonomi dan kestabilan politik Asean

berterusan, hanya ia saja yang dapat memikulnya dan tidak boleh diserahkan kepada pihak lain," katanya.

Oleh itu, wajar bagi Asean menetapkan wawasannya sendiri untuk abad ke 21 ini, kata beliau.

"Negara-negara Asean perlu bertekad dari sekarang bahawa dalam masa 30 tahun akan datang, semua masalah masa kini akan diselesaikan dan yang baru dielak," kata Abdullah.

Beliau berharap menjelang sambutan ulangtahun ke 60 Asean nanti, setiap kanak-kanak di rantau ini akan dapat membaca dan menulis, masalah kelaparan dan penyakit tidak akan berlaku dan negara-negara anggota tidak lagi terlibat dalam pertikaian mengenai wilayah.

"Saya ingin melihat rantau ini mengeksplorasi sepenuhnya potensi Teknologi Maklumat, tetapi yang lebih penting, saya mengharapkan agar Asean mengekalkan budaya dan tradisi sopan santunnya dalam berurusan sesama kita," kata Abdullah.

-- BERNAMA

TCL MAI